



LAPORAN TAHUNAN 2016



UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

KAMPUS JELI

LAPORAN TAHUNAN PEJABAT PENTADBIRAN
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN KAMPUS JELI 2016

Sidang Editorial

Pengerusi

Rosmawati Haji Isa

Editor

Norhayati Nordin

Normazri Mamat

Mar'ieyah Muhammad

Siti Hafidah Kamsani

Mohd Hafizie Abd Rahman

Mahadzir Mohamed

Nur Aida Elias

Muhd Khalid El-Muhammady Muhd Uthman El-Muhammady

Ahmad Bustaman Arifin

Mohd Kamal Rool Ismail

Mohd Sahidi Md Zahid

Abdul Aziz Mohammad

Fotografi

Ab. Halim Hafiz Ab. Aziz

Pereka

Nur Fadzli Abu Hassan

ISI KANDUNGAN

I - III	KATA ALUAN DAN RINGKASAN EKSEKUTIF		
IV-XI	KPI PEJABAT PENTADBIRAN KAMPUS JELI		
1	VISI. MISI. OBJEKTIF DAN PIAGAM PELANGAN	BAB	01
2-12	GOVERNANS. PENTADBIRAN DAN STRUKTUR ORGANISASI	BAB	02
13-59	PERANAN PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN	BAB	03
60-65	PENGURUSAN DAN PEMBANGUNAN STAF	BAB	04
66-68	KEMUDAHAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN	BAB	05
69-71	KHIDMAT MASYARAKAT	BAB	06
72-76	PEMBANGUNAN SAHSIAH MAHASISWA (HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI)	BAB	07
77-80	PENGURUSAN KEWANGAN DAN PENJANAAN PENDAPATAN	BAB	08
81-90	KAMPUS JELI DAN PROGRAM KEMUNCAK 2015	BAB	09



KATA-KATA ALUAN

Assalamualaikum Wbt. Wbh. dan Salam Sejahtera

Saya ingin memanjatkan setinggi tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T Laporan Tahunan UMK Kampus Jeli bagi tahun 2016. Kejayaan ini sesungguhnya memaparkan hasil kerja berpasukan yang tinggi warga universiti dari pelbagai Pusat Tanggungjawab (PTj) dalam memastikan kejayaan Kampus Jeli.

Laporan Tahunan ini merekodkan kepada umum mengenai perkembangan prestasi dan pencapaian serta maklumat dan informasi sepanjang tempoh satu tahun khususnya berkenaan modal insan, pengurusan kewangan, perkhidmatan, kemudahan dan pelbagai aktiviti yang telah dijalankan. Tahun 2016, menyaksikan UMK Kampus Jeli terus mengorak langkah bagi menjadikan ianya salah sebuah daripada tiga kampus UMK yang bukan sahaja menitik beratkan kecemerlangan akademik malah turut menjayakan eko-sistem keusahawanan serta melaksanakan tanggungjawab sosial bersama-sama masyarakat Jeli.

Akhir kata, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dalam memastikan kecemerlangan Universiti melalui pelbagai program dan aktiviti yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2016 dijayakan dengan sempurna. Semoga usaha serta komitmen cemerlang seumpama ini dapat diteruskan di masa-masa yang akan datang. Sesungguhnya kecemerlangan sesebuah institusi bukan sahaja diukur kepada pencapaian semata-mata, tetapi juga semangat kerjasama serta motivasi yang tinggi, produktif dan dapat menghasilkan impak yang besar kepada institusi dan masyarakat
Sekian, terima kasih.



PROF. DATO' DR. MORTAZA BIN MOHAMED
NAIB CANSELOR
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN





SELAYANG PANDANG

Assalamualaikum Wbt. Wbh. dan Salam Sejahtera

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah S.W. T kerana dengan limpah izinNya dapat Pejabat Pentadbiran UMK Kampus Jeli (PPKJ) dapat menghasilkan Laporan Tahunan bagi tahun 2016. PPKJ telah membangun seiring dengan pembangunan UMK dan tuntutan keadaan semasa. Pelbagai perkhidmatan disediakan untuk kemudahan pelanggan PPKJ bukan sahaja dalam kalangan mahasiswa dan warga UMK tetapi juga masyarakat sekitar.

Selama tempoh 4 tahun beroperasi (2012 – 2016), PPKJ telah menetapkan 10 'Key Performance Indicator' (KPI) dan sehingga 31 Disember 2016 hampir 97% sasaran yang ditetapkan dapat dicapai. Pembangunan prasarana serta kemudahan lain berjalan dengan baik apabila Dewan Utama UMK Kampus Jeli telah siap sepenuhnya dan digunakan untuk pendaftaran pelajar baru Semester 2016/2017 pada 28 Ogos 2016 manakala bangunan tambahan Pusat Islam, bangunan Pusat Asuhan Kanak-Kanak (Taska), gelanggang Petanque serta Setor Pelupusan juga telah siap sepenuhnya. Selain itu kerja-kerja menaik taraf gelanggang Futsal 1 Malaysia kepada gelanggang serbaguna juga telah selesai dan kini boleh digunakan untuk sukan lain selain futsal iaitu bola jaring dan juga bola tampar.

Pada tahun 2016 PPKJ telah berjaya menjadi pusat tumpuan dalam bidang sukan dan kebudayaan khususnya bagi sukan petanque dan juga bola sepak. YB Dato' Sri Mustapa bin Mohamed, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri merangkap Ahli Parlimen Jeli serta Menteri Mentor UMK telah merasmikan gelanggang Petanque UMK Kampus Jeli seterusnya mengisytiharkan gelanggang berkenaan sebagai gelanggang petanque terbesar di Negeri Kelantan sehingga hari ini dengan 16 lorong. Bola sepak turut mewarnai kecemerlangan UMK Kampus Jeli apabila pihak pengurusan Liga Bola Sepak Rakyat (LBR) menerima pendaftaran Jeli UMK FC untuk mewakili pasukan bola sepak jajahan Jeli ke Liga Bola Sepak Rakyat (LBR) musim ke 2 - 2016/2017. Pihak LBR juga telah bersetuju lokasi perlawanan yang melibatkan pasukan Jeli UMK FC akan diadakan di Padang Bola UMK Kampus Jeli. Tidak ketinggalan turut mewarnai kecemerlangan UMK Kampus Jeli ialah kejayaan Unit Kebudayaan, UMK Kampus Jeli yang sering mendapat undangan untuk membuat persembahan kebudayaan di setiap program atau aktiviti yang dijalankan oleh masyarakat selain khidmat kepakaran dan mengetuai pelbagai persembahan kebudayaan yang dijalankan di daerah Jeli. Sambutan Ambang Merdeka 2016 peringkat DUN Ayer Lanas telah mengadakan kerjasama dengan PPKJ untuk mengadakan sambutan Ambang Merdeka di UMK Kampus Jeli dan Unit Kebudayaan telah mengetuai dalam urusan persembahan.

Pejabat Pentadbiran UMK Kampus Jeli juga amat berbangga dengan komitmen dan kerjasama yang ditunjukkan oleh seluruh warga kampus termasuk mahasiswa UMK Kampus Jeli. Program Bakti Siswa Perdana 2016 yang diadakan dengan kerjasama UiTM dan Jabatan Pembangunan Persekutuan (JPP) Jajahan Jeli telah diadakan di 30 Pusat Daerah Mengundi (PDM) di Parlimen Jeli yang melibatkan 200 buah rumah dan 400 orang mahasiswa. Program Agriculture Expo (AGX 16) yang diadakan pada awal November 2016 telah menjadikan AGX sebagai aktiviti tahunan yang melibatkan kedua-dua fakulti iaitu Fakulti Agro Industri Asas Tani (FIAT) dan juga Fakulti Sains Bumi (FSB). Pengoperasian De'Rumah Tamu yang diurus selia oleh Koperasi Siswa UMK Jeli Bhd pada bulan Julai 2016 menunjukkan kesungguhan seluruh warga UMK Kampus Jeli menyokong eko sistem keusahawanan.

Penglibatan warga UMK Kampus Jeli di dalam pelbagai aktiviti bersama dengan masyarakat begitu membanggakan. Penglibatan mahasiswa dan staf bersama-sama dengan pihak MITI dan MIDA di dalam Expo Keusahawanan 2016, Sambutan Ambang Merdeka peringkat DUN Ayer Lanas, program Gateh@Jeli 2016, sambutan Hari Sukan Negara 2016, program Keusahawanan AIM Peringkat Zon Pantai Timur serta sambutan YAB Timbalan Perdana Menteri sempena Mesyuarat UMNO Bahagian Jeli juga jelas menunjukkan UMK dan masyarakat berpisah tiada dan UMK kini kian diterima masyarakat.

Pada tahun 2016 juga menyaksikan beberapa orang tetamu hadir ke kampus Jeli antaranya Ketua-Jabatan Jeli semasa Mesyuarat Ketua Jabatan Jeli bersama YB Dato' Sri Mustapa Mohamed, Perjumpaan SME Corp. bersama YB. Dato' Sri Mustapa Mohamed semasa Ekspo Keusahawanan MITI dan kehadiran YDH Ketua Polis Negeir Kelantan semasa program Pencegahan Jenayah di daerah Jeli. Selain dari itu Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) yang





diadakan di UMK Kampus Jeli juga telah memberikan peluang kepada staf untuk lebih mengenali ahli LPU UMK.

Akhir kata tahniah dan terima kasih kepada semua pihak yang telah berusaha menghasilkan Laporan Tahunan ini. Jutaan terima kasih kepada pengurusan tertinggi Universiti iaitu YBhg. Profesor Dato' Dr. Mortaza Mohamed, Naib Canselor UMK di atas segala sokongan yang diberikan bagi memastikan kampus Jeli turut bersama-sama dengan UMK Kampus Bachok dan UMK Kampus Pengkalan Chepa di dalam mendokong VISI dan MISI Universiti. Tidak ketinggalan jutaan terima kasih kepada YB Dato' Sri Mustapa Mohamed, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri merangkap Ahli Parlimen Jeli serta Menteri Mentor UMK yang begitu prihatin dan sering memberi sokongan dan bantuan sama ada dari segi moral, kewangan dan tenaga bagi memastikan UMK Kampus Jeli mencapai matlamat sebagai "Pemangkin Transformasi Jeli".

Semoga segala usaha gigih seluruh warga UMK Kampus Jeli dirahmati dan diberkati Allah S.W.T.

Sekian, Wassalam.

ROSMAWATI HAJI ISA
Ketua Pentadbir / Timbalan Pendaftar



KPI PEJABAT PENTADBIRAN UMK KAMPUS JELI 2016

Dalam memastikan penyampaian perkhidmatan dapat dilaksanakan secara maksimum kepada pelanggan, pihak Pejabat Pentadbiran UMK Kampus Jeli (PPKJ) telah menetapkan 10 Key Performance Indicator (KPI) iaitu :

PERKARA	AKTIVITI	CATATAN/STATUS
BPKJ telah menetapkan 10KPI bagi tahun 2016 seperti berikut:		
KPI 1: Penjenamaan UMK Kampus Jeli (Menjadikan kampus Jeli sebagai kampus yang dikenali dan menjadi pilihan pelajar, masyarakat, pihak industri , antarabangsa)	1. Program Mini MAHA (AGX 2016)	AGX 2016 19-22 OKT 2016
	2. Menyediakan Buletin Kampus Jeli 2 kali setahun	1 Siri pada bulan Jun 2016
	3. Menghasilkan buletin kolej kediaman (4x setahun)	4 Siri Buletin Kolej 2016
	4. Memantapkan Video Korporat	Video Korporat UMKKJ siap untuk laporan Outcome Report
	5. Memantapkan web site dalam dwibahasa	http://kampusjeli.umk.edu.my
	6. UMK Kampus Jeli sebagai Pusat Tumpuan Sukan Jeli	<ul style="list-style-type: none"> - Pasukan bola sepak UMK FC bergabung dengan Jeli FA untuk wakil jajahan Jeli ke Liga Bolasepak rakyat (LBR) Musim Ke2 (2016/2017) dengan nama JELI UMK FC - Klinik Petangue Terbuka serta perasmian gelanggang Petangue UMKKJ yang dinobatkan sebagai Gelanggang Petanque terbesar di negeri Kelantan sehingga kini
1. Program Latihan Tahunan Staf		
- Kursus Asas Pengendalian Café Makanan UMK Kampus Jeli 2016		Februari 2016
- Kursus Kemahiran Penguasaan Ecomm Dalam Kalangan Staf Pelaksana		27 Jan 2016
- Mengadakan Latihan Jasmani Kecerdasan Anggota dan Latihan Kawad Kaki Anggota		Sepanjang tahun



	<ul style="list-style-type: none"> - Bengkel Perancangan Strategik BPKJ 2016 	31 Okt – 2 Nov 2015
	<p>2. Sistem Tadbir Urus Yang Kemas</p> <ul style="list-style-type: none"> - Mewujudkan seksyen trafik, pentadbiran pejabat, operasi Unit Keselamatan yang sistematis - Takwim mesyuarat semua jawatankuasa Pentadbiran Kampus Jeli - Memantapkan Sistem Aduan dan Maklum Balas - Lawatan Penanda Aras staf UMK Kampus Jeli Ke Universiti Teknologi MARA (UITM) Kampus Machang Kelantan - Menerap Budaya Korporat Warga UMK Kampus Jeli (staf dan pelajar) - Hari Korporat - Isnin setiap bulan - staf lelaki memakai tali leher - Sistem sokongan (PSM, ICT, JPIP, Keselamatan, Pusat Kesihatan, HEP dan Perpustakaan) berada dalam keadaan yang baik untuk memberi perkhidmatan terbaik kepada kampus - Penggunaan Sistem E-PARCEL 	<p>Pejabat Unit Keselamatan</p> <p>Takwim UMK Kampus Jeli</p> <p>Garis Panduan Aduan Pelanggan BPKJ</p> <p>7 September 2016</p> <p>Sepanjang Tahun</p> <p>Sistem E-Parcel digunakan sepenuhnya</p>
<p>KPI 2 Pentadbiran dan Pengurusan Kampus Yang Cekap dan Berkesan</p>	<p>3. Pengurusan Kewangan</p> <p>i. Pemantapan pengurusan bayaran kepada staf dan pembekal</p> <ul style="list-style-type: none"> - Penyediaan pembayaran bil kepada pembekal / kontraktor melalui kaedah EFT dapat di laksanakan sepenuhnya - Penyediaan laporan pergerakan dokumen pembayaran di peringkat PTJ di hantar sebulan sekali ke pejabat bendahari <p>ii. Pemantapan Pengurusan aset UMKKJ</p> <ul style="list-style-type: none"> - Pendaftaran aset/ inventori perlu dilakukan sebelum permohonan pembayaran dilakukan <p>iii. Pemantapan sistem terimaan dan kewangan pelajar</p> <ul style="list-style-type: none"> - Penjanaan inbois yuran dan update yuran di peringkat Kampus Jeli 	<p>80% pembayaran melalui EFT</p> <p>Laporan dibentang di Mesyuarat JPKA</p> <p>Kurangkan aset/inventori yang tidak didaftarkan</p> <ul style="list-style-type: none"> - Inbois yuran semester 2015/2016 selesai - 100% menggunakan E-resit





<ul style="list-style-type: none"> - Pengeluaran e-resit bagi menggantikan kaedah manual untuk semua terimaan - Memproses pemulangan lebihan yuran pengajian di peringkat UMKKJ - Menyelesaikan Masalah Pelajar. (Cth : Kelulusan Tangguh, Pengajian, Berhenti, Sekatan Keputusan Peperiksaan, Konvokesyen, Dll...) 	<ul style="list-style-type: none"> - Dapat diselesaikan - Selesai – kerjasama Unit Akademik
<p>iv. Pemantapan pengurusan bayaran kepada staf dan pembekal</p> <ul style="list-style-type: none"> - Penyediaan pembayaran bil kepada pembekal / kontraktor melalui kaedah EFT dapat di laksanakan sepenuhnya - Penyediaan laporan pergerakan dokumen pembayaran di peringkat PTJ di hantar sebulan sekali ke pejabat bendahari 	<p>80% pembayaran melalui EFT Laporan dibentang di Mesyuarat JPKA</p>
<p>v. Pemantapan Pengurusan aset UMKKJ</p> <ul style="list-style-type: none"> - Pendaftaran aset/ inventori perlu dilakukan sebelum permohonan pembayaran dilakukan 	<p>Kurangkan aset/inventori yang tidak didaftarkan</p>
<p>vi. Pemantapan sistem teriman dan kewangan pelajar</p> <ul style="list-style-type: none"> - Penjana inbois yuran dan update yuran di peringkat Kampus Jeli - Pengeluaran e-resit bagi menggantikan kaedah manual untuk semua terimaan - Memproses pemulangan lebihan yuran pengajian di peringkat UMKKJ - Menyelesaikan Masalah Pelajar. (Cth : Kelulusan Tangguh, Pengajian, Berhenti, Sekatan Keputusan Peperiksaan, Konvokesyen, Dll...) 	<ul style="list-style-type: none"> - Inbois yuran semester 2015/2016 selesai - 100% menggunakan E-resit - Dapat diselesaikan - Selesai – kerjasama Unit Akademik
<p>1. Memantapkan wifi & teknologi untuk P&P</p> <ul style="list-style-type: none"> - Memastikan penyelenggaraan berkala sebanyak 2X setahun. (kos induk) 500 jam penggunaan/service (projektor). 	<p>Selesai (100%)</p>
<p>2. Sumber rujukan relevan untuk P&P</p> <ul style="list-style-type: none"> - 10 Latihan/bengkel berkaitan sokongan penyelidikan seperti Online databases, Endnote, Turnitin, (RM4K) 	<p>Selesai (100%)</p>



<p>KPI 3 Pengukuhan dalam pembelajaran dan Pengajaran (di fakulti)</p>	<ul style="list-style-type: none"> - Pembelian 5000 naskah buku-buku rujukan bertulis dan on line yang berkaitan dengan fakulti (Kos induk) (termasuk e-book) <p>3. Kemahiran dalam sistem penyampaian</p> <ul style="list-style-type: none"> - 2 Bengkel sistem penyampaian SCL untuk pensyarah 2 fakulti UMK Kampus Jeli <p>4. Kelengkapan Infrastruktur Bilik Kuliah dan Makmal</p> <ul style="list-style-type: none"> - Memastikan kemudahan Mekanikal dan Elektrikal berfungsi dengan baik. - Kelengkapan peralatan perabot untuk keselesaan pembelajaran <p>5. Mewujudkan Kios jualan</p> <ul style="list-style-type: none"> - 8 Unit kios pemiagaan untuk P&P keusahawanan <p>6. Pengukuhan dalam Penyelidikan dan Inovasi (di fakulti)</p> <ul style="list-style-type: none"> - Tingkatkan prasarana untuk pasca siswazah - Mewujudkan ruang untuk pelajar pasca pascasiswazah(workstation) (konsep LCCT) 	<p style="text-align: center;">Selesai (100%) Julai Oktober</p> <p style="text-align: center;">Selesai</p> <p style="text-align: center;">Pembinaan 30% - KIV sehingga perbincangan dengan pihak Majlis Daerah Jeli</p> <p style="text-align: center;">Tangguh</p>
<p>KPI 4 : Pengukuhan kemudahan umum dalam kampus</p>	<p>1. Pembangunan dan Pengukuhan Infrastruktur</p> <ul style="list-style-type: none"> - Sambungan Naiktaraf sistem perparitan keseluruhan kawasan Fasa 1 sepanjang 700 meter. - Menaiktaraf dan pembaikan pagar keselamatan yang rosak terutama di kawasan belakang kampus - Bangunan akademik berkonsepkan LCCT - Pembinaan Mall Pemiagaan - Pembinaan Stor Pelupusan <p>2. Menambahbaik kemudahan di Agropark</p> <ul style="list-style-type: none"> - Naiktaraf dan pembaikan pagar perimeter sepanjang 3km untuk keseluruhan plot. - Pembinaan jaringan jalan ke ladang, dilengkapi lampu jalan serta sistem perparitan sepanjang 3 km. <p>3. Projek di bawah Rancangan Malaysia Ke-10</p> <ul style="list-style-type: none"> - Pembinaan Dewan Utama - Pembinaan Pusat Islam , Taska dan Minaret - Pembinaan Bangunan Fakulti Sains Bumi (FSB) - Pembinaan Pejabat Pentadbiran Kampus Jeli 	<p style="text-align: center;">Selesai (100%)</p> <p style="text-align: center;">Selesai (100%)</p> <p style="text-align: center;">KIV Dalam proses (40%) Selesai (100%)</p> <p style="text-align: center;">Selesai 100% Pusat Islam & Taska – Selesai (100%), Minaret (70%) Dalam proses (30%) Dalam proses (30%)</p>



	<ul style="list-style-type: none"> - Pembinaan Pejabat Perpustakaan - Pembinaan Jaringan Jalan, Jambatan dan infrastruktur 	Dalam proses (30%) Dalam proses (50%)
	4. Pengukuhan Penyelenggaraan dan Naik Taraf Kemudahan Kampus <ul style="list-style-type: none"> - Memperbaiki dan Menaik taraf sistem bekalan air di keseluruhan Kampus Fasa 1 - Mengadakan Kontraktor Panel secara kontrak bagi keseluruhan Kampus - Perolehan Pembelian sebuah bas untuk P&P 	KIV KIV HEP Induk
	5. Naik Taraf Pusat Kesihatan <ul style="list-style-type: none"> - Membina dan menaik taraf sebuah Klinik untuk Pusat Kesihatan -bilik kabin 11 & 12 - Perolehan Pembelian sebuah Ambulans 	Diurus selia di Pusat Kesihatan Universiti
KPI 5 : Pengurusan Hal Ehwal Pelajar Yang Cepak dan Berimpak Tinggi	<ol style="list-style-type: none"> Memperbanyakkan aktiviti/program dalaman dan luaran kampus <ul style="list-style-type: none"> - Eksplorasi seni budaya (tahunan) - Mengadakan bengkel seni teater dan seni muzik - Menganjurkan satu (1) pertandingan Puisi Dramatari Memantapkan program akademik, psiko sosial dan kerjaya <ul style="list-style-type: none"> - Menganjurkan 1- Program Exposure (Experience for Serious Education) untuk pelajar tahun satu, 2. Program Graphite to Diamond, 3. Program Young Motivator - Menganjurkan satu (1) program persediaan kerjaya kepada pelajar tahun akhir, termasuk penyediaan maklumat kerjaya - Mengadakan hari terbuka unit kaunseling secara berkala, 2 kali setahun Mengukuhkan Nilai Kerohanian Warga Kampus Jeli <ul style="list-style-type: none"> - Program Pembangunan Rohani Staf, Majlis Budaya Ilmu - Menganjurkan program Pembangunan Rohani Pelajar 	<ul style="list-style-type: none"> - 1 Dokumentasi Muzik Orang Asli <ol style="list-style-type: none"> Program Exposure akan dibuat semester hadapan kepada pelajar tahun satu yang baru Program Graphite To Diamond & Program Young Motivator (April dan Mei 2016) <p style="text-align: center;">AGX 2016</p> <p>Dilaksanakan sepanjang tahun</p> <ol style="list-style-type: none"> Kelas Tafaqah (berjalan seperti biasa) Bengkel asas penyucian dalam Islam Munajat Perdana sempena exam



Maulidur Rasul dan Program Israk & Mikraj		
SELESAI	<ul style="list-style-type: none"> - Menganjurkan program Hari Kebesaran Islam 	
Selesai	<p>4. Membudayakan Sukan dan Rekreasi Warga Kampus</p> <ul style="list-style-type: none"> - Menganjurkan Karnival Kejohanan Sukan UMK 2016 - Menganjurkan Larian UMK/Fun Run 2016 	
Selesai	<p>5. Memantapkan pengurusan organisasi kelab dan persatuan pelajar Kampus Jeli</p> <ul style="list-style-type: none"> - Mengadakan bengkel pengurusan pemimpin kelab dan persatuan pelajar UMK Kampus Jeli sebanyak 2 kali setahun - Menganjurkan hari terbuka kelab dan persatuan pelajar sebanyak 2 kali setahun (semasa hari terbuka kampus) 	
Program Baktiswa Perdana 2015 – Pasca Banjir	<p>6. Meningkatkan nilai sahsiah peribadi pelajar</p> <ul style="list-style-type: none"> - Menganjurkan Program Kesukarelawanan melibatkan kelab dan persatuan pelajar di Kampus Jeli di kawasan yang dilanda masalah / musibah 	
Program Minggu Kesihatan UMKKJ	<p>7. Menganjurkan Program Pendidikan Kesihatan untuk Warga Kampus</p> <ul style="list-style-type: none"> - Ceramah kesihatan, senaman, khidmat masyarakat, kempen derma darah dll 	
Sesi 1 telah diadakan pada 20 April 2016	<p>8. Membudayakan Gaya Hidup Sihat</p> <ul style="list-style-type: none"> - Mengadakan saringan kesihatan setiap 6 bulan untuk staf kampus 	
<ul style="list-style-type: none"> - Proses mengenalpasti dan membimbing syarikat yang layak - Syarikat sedia ada telah bekerjasama dengan syarikat luar dalam mempromosi produk 	<p>1. Memantapkan Koperasi Usahawan Siswazah Sdn Bhd yang aktif melalui pengukuhan syarikat pelajar</p> <ul style="list-style-type: none"> - Memperkukuhkan lima (5) syarikat pelajar yang berdaya saing dan beroperasi dengan sempurna (sasaran MEA) - Dua (2) syarikat pelajar bekerjasama dengan syarikat luar. 	<p>KPI 6 : Menjadikan UMK kampus Jeli sebagai kampus keusahawanan</p>



	<ul style="list-style-type: none"> - Mengadakan hari terbuka bagi syarikat pelajar dan Koperasi Usahawan Siswa Berhad sebanyak 2 kali setahun (sasaran-pelajar) 	<ul style="list-style-type: none"> - Hari Terbuka dan Bengkel Syarikat Pelajar pada bulan Mei 2015
<p>KPI 7 : Pembangunan landskap dan keceriaan kampus</p>	<p>1. Menambahbaik dan memantapkan Landskap UMK Kampus Jeli</p> <ul style="list-style-type: none"> - Menanam 200 pokok kekal sekitar kampus dan padang bola.(Angsana,tekoma, kelapa paya di - Penambahan Signage Jalan Di dalam kampus - Tugu UMK JELI, I LOVE UMK, 	<p>SELESAI</p>
<p>KPI 8 : UMK Kampus Jeli Relevan Kepada Masyarakat dan Industri</p>	<p>1. Memperbanyakkan dan memperhebatkan Program Khidmat Masyarakat</p> <ul style="list-style-type: none"> - 1x Karnival Sukan Komuniti Jeli 2016 - Minggu Gaya Hidup Sihat - Program Larian UMK/Fun Run 2016 - Program Bakti Siswa Perdana 2016 - Sambutan Ambang Merdeka 2016 - Program Gateh@Jeli 2016 	<ul style="list-style-type: none"> - 1 September 2016 - SELESAI - SELESAI - SELESAI - SELESAI - SELESAI
<p>KPI 9 Penjanaaan Pendapatan – dalam usaha untuk meningkatkan hasil dan mengurangkan kebergantungan kepada dana Universiti, kepelbagaian sumber perlu dipergiatkan untuk mendapatkan sumber dana alternatif bagi tahun 2016. Antara aktiviti penjanaaan pendapatan ialah:</p>	<p>1. Penganjuran Latihan/Seminar – kerjasama dengan agensi kerajaan dan badan berkanun</p> <ul style="list-style-type: none"> - Kursus Asas Fotografi - Mengadakan 1 Klinik untuk sukan tumpuan Kampus Jeli (Petanque) - Kursus Pengusaha Kafetaria - Kursus Asas Fotografi - Penganjuran Kursus Pra Perkahwinan - Terbuka - Menganjurkan Bengkel Semarak Tari (Gerakan tarian asas pilihan) <p>2. Sewaan Ruang/Kemudahan melalui Garis Panduan Pengurusan Hasil Sewa Ruang dan Kemudahan di UMK Kampus Jeli)</p> <ul style="list-style-type: none"> - Sewaan Ruang dan Kemudahan - Sewaan Medan Selera - Sewaan Pasar Mini dan Pusat Percetakan 	<p>SELESAI</p> <p>RM5,500.00</p> <p>RM43,549.70</p> <p>RM20,950.30</p>





	<ul style="list-style-type: none"> - Penyewaan Rumah Tamu 	
	<p>3. Sumber-Sumber Lain - kerjasama dengan agensi kerajaan dan badan berkanun dalam penganjuran program dan aktiviti</p> <ul style="list-style-type: none"> - Bakti Siswa Perdana RM30,000 - Gateh@Jeli RM20,000 - Ambang Merdeka 2016 RM15,000 	
	<p>1. Membangun sistem aduan kerosakan- sistem online aduan kerosakan (linkage antara pengurusan kolej dan pengurusan infra Kampus Jeli)</p> <p>2. Mengatasi masalah di kolej kediaman –</p> <ul style="list-style-type: none"> - 1 Kempen Kesedaran Menjaga Kemudahan Di Kolej Kediaman - Aktiviti kebersihan 4 Kali setahun (pertandingan, gotong royong dll) <p>3. Menambah kemudahan penginapan pelajar</p> <ul style="list-style-type: none"> - Menyediakan ruang aktiviti pelajar di Taman Pinggiran UMK <p>4. Menambahbaik kemudahan pelajar di kolej kediaman</p> <ul style="list-style-type: none"> - Maintenance untuk kerosakan di kolej kediaman seperti tombol pintu, pintu tandas, timer lampu koridor di Blok A dan B. - Merancang penyusunan semula bagi semua pelajar di kolej kediaman (untuk pelajar yang menginap di dalam dan di luar kampus) sebelum sesi pengajian tamat <p>5. Memperkukuh sistem merit demerit pelajar</p> <ul style="list-style-type: none"> - Mengaktifkan sistem merit demerit secara on-line 	<p>DALAM PROSES PEMBANGUNAN SISTEM OLEH PIHAK ICT</p> <p>- MAC 2016, OKTOBER 2016</p> <p>- 4 KALI BAGI SETIAP SEMESTER</p> <p>DALAM PROSES</p> <p>SELESAI</p> <p>DALAM PROSES PEMBINAAN SISTEM</p>
<p>KPI 10: Memperbaiki tahap penginapan pelajar dalam kampus</p>		

BAB 1

VISI, MISI, OBJEKTIF &
PIAGAM PELANGGAN



LAPORAN
TAHUNAN
2016
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN
KAMPUS JELI



MISI KORPORAT

VISI

Menjadi kampus bertaraf antarabangsa bertunjangkan modal insan cemerlang yang mengutamakan keusahawanan

MISI

- Menyediakan prasarana yang lengkap dan kondusif di dalam menyokong pendidikan keusahawanan, penyelidikan dan pengkomersialan yang relevan kepada masyarakat.
- Amalan pengurusan berkualiti dan budaya kerja profesional, bersedia untuk berubah dan berintegriti.
- Penambahbaikan berterusan untuk mencapai kampus bertaraf antarabangsa.

OBJEKTIF

- Mewujudkan sistem pentadbiran kampus yang cekap, berkesan dan berdaya maju ke arah memastikan kecemerlangan.
- Menyediakan persekitaran kampus yang kondusif untuk kecemerlangan akademik, penyelidikan dan inovasi serta perkhidmatan kepada masyarakat.
- Memperkukuhkan sistem sokongan supaya berinovatif dan berkreaitif dalam melengkapinya semua keperluan untuk pembelajaran dan pengajaran.
- Menjadi kampus rujukan serta relevan kepada masyarakat serta menjadi kebanggaan UMK.

PIAGAM PELANGGAN

Dalam merealisasikan misi dan visi Kampus, kami berazam, beriltizam dan berjanji untuk memenuhi hak pelanggan seperti berikut :

PELAJAR

- Menyediakan prasarana dan persekitaran yang kondusif bagi menyokong keperluan kegiatan akademik dan bukan akademik pelajar.

STAF

- Mewujudkan sistem penyampaian yang telus serta suasana kerja yang kondusif bagi membolehkan staf mempamerkan keupayaan ke arah kecemerlangan serta peluang untuk mengukuhkan laluan kerjaya yang berdaya saing.

UNIVERSITI

- Menyumbang ke arah meningkatkan kecemerlangan dan nama baik Universiti dalam semua aspek

MASYARAKAT

- Menjadikan UMK Kampus Jeli relevan kepada masyarakat dan bekerjasama dalam usaha untuk meningkatkan sosio-ekonomi dan budaya masyarakat.





LAPORAN
TAHUNAN
2016
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN
KAMPUS JELI

BAB 2

GOVERNANS PENTADBIRAN
& STRUKTUR ORGANISASI



2.2.1 BAHAGIAN PENTADBIRAN KAMPUS JELI



BAHAGIAN PENTADBIRAN

- 10. MANAF MANSOR *PSH*
- 11. FIRDAUS AMZAR *PSH*
- 12. EZAHAN SARFIZI *PSH*

- 1. ROSMAWATI BINTI HAJI ISA *TIMBALAN PENDAFTAR / KETUA PENTADBIR*
- 2. SITI HAFIDAH BINTI KAMSANI *PENOLONG PENDAFTAR (Tiada Dalam Gambar)*
- 3. NUR FADZLI BIN ABU HASSAN *PEREKA*
- 4. AB HALIM HAFIZ BIN AB AZIZ *JURUFOTOGRAFI*
- 5. NOORAZLINA ABDUL RASHID *PEMBANTU TADBIR KANAN*
- 6. HAZRANAZRENA BINTI CHE HARON *PEMBANTU TADBIR*
- 7. AZWAHANIS BINTI MOHAMAD *PEGAWAI KHIDMAT PELANGGAN*
- 8. SITI SABARIAH BINTI MOHD YUSOFF *PEMBANTU TADBIR*
- 9. ZUL YUSRI BIN CHE HARUN *PEMBANTU OPERASI*

BAHAGIAN HAL EHWAL PELAJAR



BAHAGIAN HAL EHWAL PELAJAR

- 1. MOHD HAFIZIE BIN ABD RAHMAN
PENOLONG PENDAFTAR
- 2. NUR SYAHIRA BINTI SHUHAIMI
PEMBANTU TADBIR
- 3. NOOR AZILA BINTI ABDUL RASHID
PEMBANTU TADBIR





3

1

2



UNIT KESIHATAN

1. RAJA NOR SUHALI RAJA HASSAN
PENOLONG PEGAWAI PERUBATAN
2. NOHD ZULHILME GHAZALI
JURURAWAT
3. AMIR FAUZAN MOHD NOR
PENOLONG PEGAWAI FARMASI

2

3

1

4



UNIT SUKAN

1. NORMAZRI BIN MAMAT
PEGAWAI BELIA DAN SUKAN KANAN
2. MOHAMED AMERUL AQMAL BIN NIZAM
PENOLONG PEGAWAI BELIA DAN SUKAN
3. NURSHAFIKAH BINTI SHAARI
PENOLONG PEGAWAI BELIA DAN SUKAN
4. MOHAMAD NASRULLAH BIN IZANI
PEMBANTU BELIA DAN SUKAN
5. ANIZAN DAUD *PSH*



UNIT KAUNSELING

1. NUR AIDA BT. ELIAS
PEGAWAI PSIKOLOGI



UNIT KEBUDAYAAN

1. RAJA FADHILAH BINTI RAJA AHMAD
PEGAWAI KEBUDAYAAN
2. SITI NUR WAHIDA ABDUL RAHIM
ARTIS KEBUDAYAAN



UNIT KOLEJ KEDIAMAN

1. MOHD TARMIZI BIN MOHD YUSOF
PENGURUS ASRAMA (*Tiada Dalam Gambar*)
2. NOORAFIZAH MOHD NOOR @ NORAINY
PENOLONG PENGURUS ASRAMA
3. AZMI ALIAS
PENYELIA ASRAMA
4. MOHAMAD AZMI ABDUL AZIZ
PEMBANTU TADBIR



PUSAT ISLAM

1. MUHD KHALID EL-MUHAMMADY
PEGAWAI HAL EHWAL ISLAM
2. MOHD HAFIZHUDDIN MAT NAZIZ
PENOLONG PEGAWAI HAL EHWAL ISLAM
3. MUHAMMAD HUSNI KAMARUDDIN
PEMBANTU HAL EHWAL ISLAM



UNIT KESELAMATAN

- | | |
|--|------------------------------------|
| 1. MAHADZIR BIN MOHAMED
<i>PEGAWAI KESELAMATAN</i> | 12. MOHAMAD FAIZAL SOH@YUSOF |
| 2. ZULKIFLI BIN ABD GHANI
<i>PEMBANTU KESELAMATAN KANAN</i> | 13. RUZAHA SETAPA |
| 3. ISMAIL JUSOH
<i>PEMBANTU KESELAMATAN KANAN</i> | 14. NUR ASFARINA |
| 4. MOHD SUHAIRI OMAR | 15. WAN NORASLINDA BINTI WAN HUSIN |
| 5. MOHD SHUKRI IDRIS | 16. MOHD KHAIROOL IRWAN CHE PA |
| 6. MUSTAFA YUSOFF | 17. MOHD FIRDAUS MAZLAND |
| 7. MOHAMMAD ABDULLAH DAUD | 18. NOR NADIATUL SOLEHAH ISMAIL |
| 8. MOHD TAMIZI MAT ZIN | 19. NORAIIDA MOHAMED |
| 9. AZIZI MAT MOHD RAZALI | 20. AHMAD FIRDAUS HAMID |
| 10. ZARWATI MOHAMAD | 21. MD NAZRUDIN MD NAWI |
| 11. NURWADI ABDUL WAHAB | 22. MUHAMMAD ANUARDI BIN MUHAMMAD |
| | 23. SHAMSULAIMI BIN SHAMSUDIN |

3

1

2



UNIT KEWANGAN

1. MOHD KAMAL ROOL ISMAIL *PEGAWAI KEWANGAN*
2. ROSMAWATI CHE HUSAIN *PENOLONG AKAUNTAN*
3. MOHAMAD FAISAL MD TAHIR *PEMBANTU AKAUNTAN*



PERPUSTAKAAN

1. **NORHAYATI NORDIN**
PUSTAKAWAN KANAN
2. **SHahrul Afzan Ibrahim**
PEMBANTU PERPUSTAKAAN
3. **WAHYUDI YUSRA ZULFIN**
PEMBANTU PERPUSTAKAAN
4. **ALIF IBRAHIM**
PEMBANTU PERPUSTAKAAN
5. **MOHAMAD NUR FITRY HANIF** *PSH*
6. **AINI SATIAH BT MAT HUSSIN**
SKIM LATIHAN INDUSTRI SATU MALAYSIA (SLIM)



UNIT KOMPUTERAN & INFOMATIK (CCI)

1. **AHMAD BUSTAMAN ARIFIN**
PEGAUAI TEKNOLOGI MAKLUMAT
2. **EHSAN SHAZALI BIN RASHIM**
PENOLONG PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT
3. **NURUL ADILA MOHAMAD ZAMRI**
PENOLONG PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT
4. **MOHD FIRDAUS ZULKIFLI**
JURUTEKNIK KOMPUTER





UNIT PEJABAT PENGURUSAN & PEMBANGUNAN PROJEK

1. MOHD SAHIDI BIN MD ZAHID *PENOLONG JURUTERA*
2. ADAM EDHAM BIN MOHAMED *PEMBANTU TADBIR*



UNIT PEJABAT PENGURUSAN INFRASTRUKTUR & ASET

1. ABDUL AZIZ BIN MOHAMMAD *JURUTERA*
2. MOHAMAD RAZMIZAN BIN RAMLY *PENOLONG JURUTERA*
3. MAT FARIZAL BIN MAT HASSAN@YUSUF *PENOLONG JURUTERA*
4. NOORRAIHAN BINTI KAMARUDDIN *PENOLONG JURUTERA*
5. NIK MOHD KHAIRUL HAFZAN NIK MUSTAPHA@NIK OTHMAN *PENOLONG JURUTERA*
6. KHAIRUSHHRIL BIN ABDUL RAHIM *PENJAGA JENTERA ELEKTRIK*
7. NORADILA MUSTAPA *PEMBANTU TADBIR*
8. MAZLAM BIN MAT NOR *PEMANDU KENDERAAN*
9. MD FAZLY ISMAL BIN CHE ADAM *PEMANDU KENDERAAN*
10. WAN OSMAN BIN HUSIN *PEMANDU KENDERAAN*
11. NIK MOHD IZZAT FAKHRULLAH NIK MUSTAPHA *PEMBANTU KEMAHIRAN*
12. MOHD KHAIR BIN MOHAMAD *PEMBANTU KEMAHIRAN*
13. FAZLI BIN SAAD *PEMANDU KENDERAAN*
14. ANUAR BIN MOHD RUDZNI



UNIT AKADEMIK

1. MARIYAH BINTI MUHAMMAD *PENOLONG PENDAFTAR*
2. CHE LATIFIE AMER *PEMBANTU TADBIR*



2.3 JAWATANKUASA KAMPUS JELI DAN KEAHLIAN

JAWATANKUASA ADUAN PELANGGAN

Pengerusi : Cik Rosmawati Bt Isa (Ketua Pentadbir)
Ahli : En. Faiz Nur Hakim bin Azmi, En. Abdul Aziz bin Mohammad,
En. Mohd Kamal Rool bin Ismail, En. Mahadzir bin Mohamed
En. Nor Mazri bin Mamat, En. Azzhar bin Mohd Nawil
Pn. Norhayati binti Nordin, Pn. Raja Suhaili binti Raja Hassan
En. Ahmad Bustaman bin Ariffin, Pn. Siti Hafidah binti Kamsani
Pn. Azwahanis binti Mohamed

JAWATANKUASA KAFE

Pengerusi : Cik Rosmawati Bt Isa (Ketua Pentadbir)
Ahli : Dr. Fatimah Bt Changgok, Pn. Norashikin Bt Mohd Fauzi, En. Anuar Bin
Omar, En. Wan Mohamad Shahril Bin Wan Shaberi, En. Mohamad
Razmizan Bin Ramli, En. Mat farizal Bin Mat Hassan@Yusuf, Pn Hilmoon
Binti Che Din@Noordin, Pn. Raja No Suhaili Binti Raja Hassa, Cik Nur
Aida Binti Elias, Pn. Hazranazrena Binti Che Haron

JAWATANKUASA KARIAH MASJID

Pengerusi : Ustaz Muhd Khalid El – Muhammadiyah Bin Muhd El – Muhammadiyah
Ahli : Timbalan Pengerusi-Ustaz Ahmad Zaki Bin Amiruddin, Setiausaha-Ustaz
Mohd Hafizhuddin Bin Mat Naziz, Penolong Setiausaha-Ustaz Mohd
Shahriman Bin Abu Bakar, Bendahari-Ustaz Husni Bin Kamaruddin,
Penolong Bendahari-En. Mohd Kamal Rool Bin Ismail, Ketua Biro Dakwah
& Pendidikan-Dr Zul Arif Bin Abdul Latiff, Ketua Biro Kemajuan &
Pembangunan-En. Mohd Sahidi Bin Md Zahid, Ketua Biro Kebersihan &
Kecejaan-En. Suhaimi Bin Omar, Ketua Biro Keselamatan-En. Mohd Sidiq
Bin Che Omar, Ketua Biro Perhubungan Social & Kemasyarakatan-En.
Sarizam Bin Mamat, Ketua Biro – Biro Kebajikan-En. Mohammad Firdaus
Bin Nizam, Pemeriksa Kira – Kira 1- En. Mohd Shaiful Azman Bin Abdul
Rahim, Pemeriksa Kira-Kira, 2. En. Muhammad Iqbal Bin Ahmad

JAWATANKUASA JPKKP

Pengerusi : Cik Rosmawati Bt Isa (Ketua Pentadbir)
Ahli : **Wakil Majikan-** En. Abdul Aziz Bin Mohammad, En. Mohd Hafizie Bin Abd
Rahman, En Kamal Rool Bin Ismail, Pn. Mar'ieyah Binti Muhammad, Pn.
Norhayati Bin Nordin, En. Ahmad Bustaman Bin Mohamed, Pn. Siti
Hafidah Binti Kamsani, Pn. Hazranazrena Binti Che Haron
Wakil Pekerja- Cik Noorraiha Binti Kamaruddin, Pn. Nur Syahira Binti
Shuhaimi, En. Mohamad Faisal Bin Md Tahir, En. Latifie Amir Bin Che
Shoh, En. Wahyudi Yusra Bin Zulfin, En. Zulkifli Bin Abd Ghani, En. Firdaus
Bin Zulkifli, Pn. Noradilah Mustafa, En. Zul Yusri Bin Che Harun



JAWATANKUASA PERNIAGAAN KAMPUS

Pengerusi : Cik Rosmawati Bt Isa (Ketua Pentadbir)
 Ahli : Fakulti Sains Bumi (FSB)- Prof. Madya Dr. Kassim B. Buhiran, Dr. Kumara Thevan A/L Krishnan, Dr. Soon Jan Mei, Dr. Zul Arif Bin Abdul Latiff Fakulti Fakulti Industri Asas Tani (FIAT)- Cik Rosmawati Binti Hj. Isa, En. Faiz Nur Hakim Bin Azmi, En. Mohd Kamal Rool Bin Ismail, En. Mohammad Firdaus Bin Nizam, En. Anuar Bin Omar

JAWATANKUASA PENTADBIRAN

Pengerusi : Cik Rosmawati Bt Isa (Ketua Pentadbir)
 Ahli : Pengarah PPU UMKKJ, Ketua Unit Pentadbiran, Ketua Unit Keselamatan, Ketua PPIA, PPPP, Ketua Unit Teknologi Maklumat, Ketua Unit Perhubungan Awam, Ketua Perpustakaan, Ketua Kewangan dan ketua-ketua Unit HEP

JAWATANKUASA BANJIR

Pengerusi : Cik Rosmawati bt Isa (Ketua Pentadbir)
 Ahli : En. Ahmad Bustaman Bin Arifin (ICT, Komunikasi & Hubungan Luar), En. Abdul Aziz Bin Mohammad (Pengangkutan dan Keselamatan Aset), Pn. Raja Nor Shuhaili Binti Raja Hassan (Kesihatan & Perubatan), En. Mohd Tarmizi Bin Yusoff (Penempatan Sementara & Kebajikan), En. Zulkifli Abd Ghani (Penyelamat), Siti Hafidah Binti Kamsani (Perhubungan Awam).

JAWATANKUASA MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR

Pengerusi : Cik Rosmawati bt Isa (Ketua Pentadbir)
 Timbalan Pengerusi : Dr. Aweng A/L Eh Rak
 Bursar : En. Kamal Rool Ismail
 Pengetua Kolej Kediaman : Dr. Mariam Firdhaus Mad Nordin
 Teknologi Maklumat : En. Ahmad Bustaman Bin Arifin
 Keselamatan : En. Mahadzir Mohamed
 Setiausaha : En. Azzhar Bin Mohd Nawi

JAWATANKUASA PEROLEHAN

Urusetia : En. Anuar Bin Omar, Pn. Noorazlina Binti Abdul Rashid, En. Latifie Amer Binti Che Shoh



JAWATANKUASA MINGGU 3M

Pengerusi : Cik Rosmawati bt Isa (Ketua Pentadbir)
Timbalan Pengerusi : Profesor Madya Dr. Lukman bin Ismail
Setiausaha : En. Mohd Hafizie Abd Rahman
Ahli : En. Mohamad Razmizan Ramli (Ketua Jawatankuasa Pengangkutan), Pn. Hilmoon Che Din@Noordin (Ketua Jawatankuasa Makanan), En. Abd Aziz Mohammad (Ketua Jawatankuasa Persiapan,Ruang &Teknikal), En. Ab Halim Hafiz Bin Ab Aziz (Ketua Jawatankuasa Jemputan, Sambutan & Publisiti), En. Mohd Hafizie Abd Rahman (Ketua Jawatankuasa Program), En. Kamal Rool Ismail (Ketua Jawatankuasa Kewangan & Cenderamata), Profesor Madya Dr. Lukman bin Ismail (Ketua Jawatankuasa Kolej Kediaman), Pn Mar'ieyah Muhammad (Ketua Jawatankuasa Pendaftaran Program & Khusus), En Normazri Mamat (Ketua Jawatan Sukan), Cik Raja Fadhilah Raja Ahmad (Ketua JawatanKuasa Kebudayaan), En. Ahmad Bustaman Arifin (Ketua Jawatankuasa Teknologi Maklumat), En. Mahadzir Mohamed (Ketua Keselamatan & Tugas - Tugas Khas), Pn. Norhayati Nordin (Ketua Jawatankuasa Penerbitan), Cik Nur Aida Elias (Ketua Jawatankuasa Fasilitator), Pn. Raja Nor Shuhaili Binti Raja Hassan (Ketua Jawatankuasa Kesihatan), En. Muhd Khalid El-Muhammady Muhd Uthman El-Muhammady (Ketua Jawatankuasa Kerohanian), En. Anuar Bin Omar (Urusetia).

JAWATANKUASA PASUKAN BERTINDAK KECEMASAN

Komander Insiden : Cik Rosmawati bt Isa (Ketua Pentadbir)
Timb. Komander Insiden : En. Tarmizi bin Yusoff
Pegawai Insiden : Dr. Fatimah binti Changgrok @ Kayat, Dr. Aweng A/L Eh Rak, Puan Siti Hafidah binti Kamsani
Pen. Pegawai Insiden : en. Azzhar bin Mohd Naw, Encik Faiz Nur Hakim bin Azmi, Pn. Mar'ieyah binti Muhammad
Warden Penyelamat : Encik Mohd Fahlil bin Mat Jusoh, Encik Wan Mohamad Shahril Bin Wan Shaberi, Pn. Maznah binti Mat Jusoh,En. Mohd Hafizie bin Abd Rahman, En. Abdul Aziz bin Mohammad, Cik Lili Amira Binti Hazinan, En. Mohamad Fikri bin Shamsudin.
Pen. Warden Penyelamat : Pn. Noorafizah binti Mohd Noor, En. Mohd Sahidi bin Md Zahid, En, Shahrul Afzan bin Ibrahim, En. Suhaimi bin Omar, Pn. Hilmoon binti Che din, En. Mohd Nizam bin Abdul Rahman, En. Mohamad fikri bin shamsudin.
Warden Melawan Kebakaran : Latifie Amer bin Che Shoh, En Azmi bin Alias, En. Mohd Razmizan bin Ramli, En. Mohd Suhairi bin Mohamad, Pn. Nor Hidayah bin Hasan.
Pen. Warden Melawan Kebakaran : En. Mohd Firdaus bin Zulkifli, En. Mohd Salbaharin bin Ismail, En. Ahmad Syazwan bin shukri, En. Nik Mohd Izzat Fakhrollah bin Nik Mustapha, En. Wahyudi Yusra bin Zulfin.

BAB 3


PERANAN PENGURUSAN & ORGANISASI



LAPORAN
TAHUNAN
2016
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN
KAMPUS JELI



PEJABAT PENTADBIRAN UMK KAMPUS JELI 2016





3.1 PEJABAT PENTADBIRAN KAMPUS JELI

Bahagian Pentadbiran yang diketuai oleh seorang Timbalan Pendaftar kini dianggotai oleh sembilan (9) orang staf dan tiga (3) orang PSH. Secara umumnya bahagian ini terlibat dalam semua program dan aktiviti bahagian dan unit lain di bawah Pejabat Pentadbiran UMK Kampus Jeli dan tugas utama bahagian ini meliputi enam (6) unit iaitu:

- ▶ Perjawatan & Perkhidmatan
- ▶ Pengurusan Kewangan & Pengurusan Aset/Inventori
- ▶ Hal Ehwal Korporat
- ▶ Pentadbiran Am & Pengurusan Mel
- ▶ Pembangunan Staf & Prestasi Staf
- ▶ Pengurusan Pelanggan

BIL	JAWATAN	GRED	BIL	STATUS		
				TETAP	KONTRAK	PSH
1	Timbalan Pendaftar	N48	1	1	-	-
2	Penolong Pendaftar	N41	1	1	-	-
3	Pereka	B29	1	-	1	-
4	Juru Fotografi	B29	1	-	1	-
5	Pembantu Tadbir	N19	3	-	3	-
6	Pegawai Khidmat Pelanggan	N19	1	-	1	-
7	Pembantu Operasi	H11	1	-	1	-
8	Pekerja Sambilan Harian		3	-	-	3
JUMLAH			12	2	7	3

PERJAWATAN & PERKHIDMATAN

Fungsi utama bahagian ini ialah menguruskan hal berkaitan dengan pengurusan dan pembangunan sumber manusia PTj yang meliputi:

- ▶ Lapor diri staf
- ▶ Perkhidmatan staf
- ▶ Saraan dan imbuhan
- ▶ Pengurusan cuti
- ▶ Buku Rawatan Klinik Panel

PENGURUSAN KEWANGAN & PENGURUSAN ASET/INVENTORI

- ▶ Membantu dalam urusan pembelian peralatan/bekalan pejabat
- ▶ Memproses arahan bayaran semua tuntutan daripada staf dan pembekal
- ▶ Menguruskan Panjar Wang Runcit.
- ▶ Membantu dalam pengurusan Aset dan Inventori.

PEMBANGUNAN & PRESTASI STAF

- ▶ Merancang, menyelaras dan melaksana program pembangunan staf seperti latihan/kursus anjuran BPKJ;
- ▶ Merancang, menyelaras dan melaksana program latihan bagi tujuan penjana pendapatan;
- ▶ Mengurus selia rekod latihan staf BPKJ'
- ▶ Membantu pengurusan sistem prestasi staf dan
- ▶ Membantu pengurusan sistem SKT online.

PENGURUSAN PELANGGAN

- ▶ Pengurusan Telekomunikasi
- ▶ Pengurusan Pelanggan Kampus
- ▶ Pengurusan Aduan Pelanggan
- ▶ Pengurusan Tempahan Bilik Mesyuarat/Bilik
- ▶ Perbincangan/Bilik Banquet

PENTADBIRAN AM & PENGURUSAN MEL

- ▶ Pengurusan fail dan rekod PTj;
- ▶ Penyediaan surat pengesahan staf;
- ▶ Menyediakan laporan-laporan/maklumat PTj dan kampus;
- ▶ Penyediaan Kertas Kerja untuk JPU
- ▶ Urusetia Mesyuarat Peringkat PTj
- ▶ Memproses surat-surat serta franking mengikut harga berat surat untuk dipos.
- ▶ Mengedar surat-surat kepada pegawai-pegawai yang diterima dari dalam dan luar Universiti.
- ▶ Menjalankan tugas-tugas fotokopi dan menjilid dokumen.
- ▶ Merekod surat yang dihantar melalui pos laju dalam sistem dan mencari alamat untuk surat-surat yang tidak mempunyai alamat lengkap.

HAL EHWAL KORPORAT

- ▶ Pengurusan Majlis
- ▶ Pengurusan Majlis Rasmi Kampus
- ▶ Pengurusan Imej Korporat Kampus
- ▶ Pengurusan Tetamu Kampus
- ▶ Pengurusan Laman Web Kampus
- ▶ Pengurusan Cenderahati Kampus
- ▶ Sewaan Ruang

Perekaan dan Media

- ▶ Pengurusan perekaan banner/backdrop/bunting
- ▶ Pengurusan perekaan cover buku/penerbitan rasmi kampus
- ▶ Penerbitan Buletin Kampus/Laporan Tahunan
- ▶ Pengurusan reka bentuk cenderahati kampus
- ▶ Pengurusan fotografi program/aktiviti rasmi
- ▶ Pengurusan rakaman program/aktiviti rasmi
- ▶ Pengurusan fotograri Buletin/Laporan Tahunan
- ▶ Pengurusan penyimpanan gambar-gambar rasmi



Antara aktiviti yang dijalankan oleh Pejabat Pentadbiran UMK Kampus Jeli adalah :



3.2 BAHAGIAN HAL EHWAL PELAJAR

Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP), Universiti Malaysia Kelantan Kampus Jeli merupakan salah satu jabatan yang terpenting dalam pentadbiran Kampus Jeli, diketuai oleh Pengarah Kampus, Prof. Dr. Hj. Ibrahim Che Omar. Peranan utama yang dimainkan oleh Bahagian Hal Ehwal Pelajar ialah bertanggungjawab secara khusus dalam memberi dan menyediakan perkhidmatan, kebajikan, pembangunan sahsiah pelajar di samping berusaha mewujudkan suasana kondusif dan selesa bagi kehidupan pelajar di kampus

Bahagian ini terlibat secara langsung dalam menguruskan hal-hal yang berkaitan dengan pelajar, seperti bantuan pinjaman atau biasiswa, kebajikan, kesihatan, pertubuhan kelab dan persatuan pelajar, tata tertib pelajar, kewangan, sukan dan rekreasi, kebudayaan, penginapan pelajar serta pembangunan pelajar. Dalam usaha melaksanakan tanggungjawab ini, beberapa unit telah diwujudkan di Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP), yang beroperasi untuk mengurus dan mengendalikan pelbagai program secara berterusan bagi memberi perkhidmatan yang terbaik kepada pelajar di UMK Kampus Jeli. Unit tersebut adalah seperti berikut :

- Unit Pentadbiran Am, Kewangan dan Aktiviti Pelajar
- Unit Sukan Dan Ko-Kurikulum
- Unit Kaunseling, Kemajuan Kerjaya Dan Alumni
- Unit Perkhidmatan Kesihatan
- Unit Kolej Kediaman
- Unit Islam dan Pembangunan Nilai
- Unit Kebudayaan

3.2.1 Unit Pentadbiran Am, Kewangan Dan Aktiviti Pelajar, Bahagian Hal Ehwal Pelajar Kampus Jeli

Unit pentadbiran am, kewangan dan aktiviti pelajar merupakan salah satu unit di bawah Bahagian Hal Ehwal Pelajar, UMK Kampus Jeli. Unit ini diketuai oleh seorang Penolong Pendaftar iaitu En Faiz Nur Hakim Bin Azmi, dan dibantu oleh 2 orang staf iaitu 1 orang Pembantu Tadbir (Pengkeranian dan Operasi) iaitu Pn Nur Syahira binti Suhaimi, selain seorang Pembantu Am Pejabat iaitu En Ahmad Syazwan Bin Shukri.

Fungsi unit ini melibatkan 2 jenis skop tugas, iaitu terlibat dalam pentadbiran am dan kewangan serta aktiviti pelajar. Bagi unit pentadbiran am dan kewangan, ianya melibatkan aktiviti seharian di Bahagian Hal Ehwal Pelajar UMK Kampus Jeli seperti urusan surat-menyurat, urusan penyerahan barangan / dokumen pelajar, urusan kewangan dan tugas dokumentasi. Bagi Unit aktiviti pelajar, ianya bertanggungjawab sepenuhnya dalam urusan aktiviti dan pembangunan pelajar yang merangkumi urusan dokumentasi, pelaporan, pemantauan serta khidmat nasihat.



3.2.2 UNIT SUKAN DAN KO-KURIKULUM

Bahagian Sukan UMK Kampus Jeli beroperasi bagi tahun 2016 dengan keanggotaan staf seramai tiga (5) orang untuk bertugas di Bahagian Sukan. Pelantikan staf adalah termaktub kepada pelantikan dari Pejabat Pendaftar Universiti Malaysia Kelantan.

Bil	Jawatan	Bilangan Staf
1.	Pegawai Belia Dan Sukan Kanan, S44	1
2.	Penolong Pegawai Belia Dan Sukan, S29	2
3.	Pembantu Belia dan Sukan, S19	1
4.	Pembantu Am , H11	1

Aktiviti Unit Sukan 2016



KEJOHANAN PETANQUE DOUBLE TERBUKA UA/IPTS KELANTAN 2016

- 11 dan 12 Mac 2016 simbolik dengan perasmian gelanggang petanque pertama di Parlimen Jeli disempurnakan oleh YB Dato' Mustapha Mohamed
- Antara pasukan yang menyertai kejohanan tersebut ialah UMK (Jeli, Bachok & Pc) KPTMT Kota Bharu , Politeknik Jeli , Politeknik Kota Bharu , IKTBN Bachok , UiTM Machang , KPTM Kesedar , Kolej Vokasional Kuala Krai , KKTm Pasir Mas , SMK Kadok , SMK Sultan Ibrahim 1 dan SMK Pasir Mas.
- Objektif kejohanan ini adalah untuk memperkenalkan sukan petanque secara menyeluruh kepada pelajar dan staf UMK, memberi pendedahan dan pengalaman dalam situasi pertandingan sukan petanque secara efektif kepada peserta khususnya pelajar UMK.

UJIAN UKJK STAFF KESELAMATAN

- 14 dan 16 Mac 2016
- Melibatkan 20 orang staf dari Unit Keselamatan.
- Ujian ini adalah wajib kepada Staf Unit Keselamatan bagi memastikan tahap kecergasan anggota keselamatan selalu berada dalam keadaan baik.
- Ujian kecergasan yang dilakukan ialah larian 2.4 , sit and reach , beep test dan push up.



KARNIVAL SUKAN KAMPUS JELI KALI KE-4 2016

- 15 April hingga 7 Mei 2016
- Anjuran Majlis Perwakilan Pelajar UMK Kampus Jeli dengan kerjasama Unit Sukan UMK Kampus Jeli.
- Sukan yang diadakan ialah futsal lelaki dan wanita , ragbi sentuh lelaki dan wanita , bolasepak , sepak takraw dan bola tampar lelaki dan wanita.





KRISMA FASA 2 DI UMK KAMPUS JELI

- 19 - 21 Mei 2016
- Kerjasama Bahagian Sukan, Pusat Ko-Kurikulum dengan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP)
- Melibatkan pelajar Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan (FKP), Fakulti Perubatan Veterinar (FPV), Fakulti Sains Bumi (FSB), Fakulti Industri Asas Tani (FIAT) dan Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan (FTKW)
- Acara yang telah dipertandingkan ialah Bola Sepak 9 Sebelah, Sepak Takraw, Bola Keranjang, Petanque Triple, Tenis Individu, Futsal dan Bola Jaring
- Seramai 90 pelajar dari ketiga-ketiga kampus telah menyertai Kejohanan Sukan Krisma ini.



JELI FUNRIDE 2016 ANJURAN BERSAMA NADI SIHAT

- 28 Mei 2016
- Kerjasama Unit Sukan UMK Kampus Jeli dan Pertubuhan Nadi Sihat
